

BORANG PENGESAHAN KEPERLUAN KELULUSAN HAD
KETINGGIAN HALANGAN PIHAK BERKUASA
PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM) / DI KAWASAN
LAPANGAN TERBANG TUDM BUTTERWORTH

Ruj Kami :

Ruj Tuan :

Ketua Unit
Unit Pusat Setempat (OSC)
Majlis Perbandaran Kulim Kedah

Tuan / Puan,

Tajuk Permohonan :

Tetuan /Pemilik / Pemaju :

Perunding (PSP/SP) :

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan ini :

- a) Perlu mengemukakan keperluan kelulusan had ketinggian halangan – Dalam Radius 15,000 meter dari aerodrom sahaja dan struktur ketinggian 150 meter ke atas daripada aras tanah jika berada di luar radius tersebut.

YA	TIDAK

Sekian, terima kasih

Nama dan Cop Jabatan

(Borang ini hendaklah dirujuk kepada TUDM BUTTERWORTH)

** Potong yang mana tidak berkenaan*



سُتَات سَكْرِيَارِي قَدَحْ اِنْكُورْپَرَشَن

STATE SECRETARY, KEDAH (INCORPORATION)

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
ARAS 4, BLOK B, WISMA DARULAMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARULAMAN

Telefon : 04-702 7000 Faks : 04-702 8400
Email : sskincorporation@kedah.gov.my



Ruj Kami : PSU(K)/SSK/OSA/449Jld.6 (14)
Tarikh : 14 Januari 2024
02 Rejab 1445H

SENARAI EDARAN BERKELAT

YBhg. Dato' / Tuan,

PEMAKLUMAN BERKENAAN KEPERLUAN KELULUSAN HAD KETINGGIAN HALANGAN PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM) BAGI PERMOHONAN PEMBINAAN STRUKTUR MENARA TELEKOMUNIKASI DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Komunikasi bersama Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) pada 7 November 2023.

3. Oleh itu, dimaklumkan bahawa pihak Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah memberikan pencerahan bahawa **keperluan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) hanya tertakluk kepada struktur yang berada di dalam radius 15,000 meter dari aerodrom sahaja dan bagi struktur berketinggian 150 meter ke atas daripada aras tanah sahaja jika berada di luar radius tersebut.** Bersama-sama ini dilampirkan surat daripada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) seperti di Lampiran A.

4. Sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Dato' / Tuan boleh menghubungi saya di talian 019-5101515 atau Encik Abdul Rahim bin Abu Bakar, Pengurus One Stop Agency (OSA), State Secretary, Kedah (Incorporation) di talian 018-9160456. Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,


(AMRUL HIDAYAT BIN SHAHBUDIN, BCK.)

Pengurus Besar

State Secretary, Kedah (Incorporation)

b.p. Pengerusi Eksekutif, State Secretary, Kedah (Incorporation)


s.k YB Dato' Pengerusi Eksekutif, State Secretary, Kedah (Incorporation)



SENARAI EDARAN BERKELAT

1. **Datuk Bandar**
Majlis Bandaraya Alor Setar
Jalan Kolam Air
05000 Alor Setar
KEDAH DARUL AMAN
2. **Yang DiPertua**
Majlis Perbandaran Sungai Petani
Menara MPSPK, Jalan Patani
08000 Sungai Petani
KEDAH DARUL AMAN
3.  **Yang DiPertua**
Majlis Perbandaran Kulim
No.1 Lebuhr Bandar 2
09000 Kulim
KEDAH DARUL AMAN
4. **Yang DiPertua**
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan, 07000 Langkawi
KEDAH DARUL AMAN
5. **Yang DiPertua**
Majlis Perbandaran Kubang Pasu
Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu
06000 Jitra
KEDAH DARUL AMAN
6. **Yang DiPertua**
Majlis Daerah Baling
09100 Baling
KEDAH DARUL AMAN
7. **Yang DiPertua**
Majlis Daerah Padang Terap
06300 Kuala Nerang
KEDAH DARUL AMAN
8. **Yang DiPertua**
Majlis Daerah Sik
08200 Sik
KEDAH DARUL AMAN
9. **Yang DiPertua**
Majlis Daerah Yan
06900 Yan
KEDAH DARUL AMAN

10. **Yang DiPertua**
Majlis Daerah Pendang
Aras 3, Wisma MDP
06700, Pendang
KEDAH DARUL AMAN
11. **Yang DiPertua**
Majlis Daerah Bandar Baharu
09300 Bandar Baharu
KEDAH DARUL AMAN
12. **Yang DiPertua**
Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim
Lot 10-02 Administrative Centre
Kulim Hi-Tech Park
09000 Kulim
KEDAH DARUL AMAN



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Aras 2A & 3A, Menara BDB
88, Lebuhraya Darulaman
05100 Alor Setar
Kedah Darul Aman, Malaysia

Ruj. Kami : MCMC/(T)/KDSO(I)/2024/20(002)

Tarikh : 9 Januari 2024

ENCIK AMRUL HIDAYAT BIN SHAHBUDIN

Pengurus Besar

State Secretary, Kedah (Incorporation)

Aras 4, Blok B, Wisma Darul Aman

05503 Alor Setar

Kedah Darul Aman

Tuan,

**KEPERLUAN KELULUSAN HAD KETINGGIAN HALANGAN PIHAK BERKUASA
PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM) BAGI STRUKTUR DI LUAR LINGKUNGAN
RADIUS 15,000 METER DARI AERODROM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Kementerian Komunikasi bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) pada 7 November 2023.

3. Antara perkara yang dibangkitkan semasa sesi libat urus tersebut adalah berkenaan keperluan ulasan pihak CAAM dalam proses permohonan struktur komunikasi baharu. Pihak CAAM telah memberikan pencerahan bahawa keperluan untuk mendapatkan kelulusan CAAM hanya tertakluk kepada struktur yang berada di dalam radius 15,000 meter dari aerodrom sahaja dan bagi struktur berketinggian 150 meter dan ke atas daripada aras

tanah sahaja jika berada di luar radius tersebut. Pihak CAAM juga telah menghantar surat pemakluman mengenai perkara tersebut seperti di **Lampiran 2**.

4. Perkara ini kemukakan untuk makluman serta perhatian pihak tuan. Kerjasama pihak tuan untuk memanjangkan makluman mengenai perkara ini kepada pihak yang berkenaan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat,



MAZLAN BIN OTHMAN

Pengarah Negeri Kedah

b.p Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia


LAMPIRAN 2

Ruj. Fail : CAAM.BPUA.AGA.600-1/9/89 (4)

Tarikh : 20 November 2023

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN,**
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100, Putrajaya,
W. Persekutuan(Putrajaya)

Tuan,



**KEPERLUAN KELULUSAN HAD KETINGGIAN HALANGAN PIHAK BERKUASA
PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM) BAGI STRUKTUR DI LUAR
LINGKUNGAN RADIUS 15,000 METER DARI AERODROM**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan mesyuarat berkenaan prosedur permohonan pemajuan menara atau struktur komunikasi, yang telah diadakan pada 7 November 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan kepada pihak tuan, bahawa bagi keperluan untuk mendapatkan kelulusan had ketinggian halangan daripada CAAM, ia hanya tertakluk kepada lingkungan radius 15,000 meter dari sesebuah aerodrom, sepertimana yang disebutkan di dalam Peraturan 28, yang dibaca bersama tafsiran terma "sekitar", Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Pengendalian Aerodrom) 2016.

Kebenaran untuk membina di sekitar aerodrom

28. (1) Seseorang tidak boleh membina suatu bangunan atau struktur di sekitar suatu aerodrom melainkan jika dibenarkan oleh Pihak Berkuasa.

**Tafsiran terma "sekitar" di dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan
Awam (Pengendalian Aerodrom) 2016**

"sekitar" ertinya suatu ruang udara yang ditentukan di sekeliling suatu aerodrom bagi mengawal halangan yang boleh melanggar permukaan had ketinggian halangan di sekeliling aerodrom itu, yang terletak dalam lingkungan radius 15,000 meter dari aerodrom itu.

3. Sehubungan dengan itu, Pejabat ini ingin memaklumkan juga bahawa ulasan daripada CAAM hanya diperlukan sekiranya struktur di luar lingkungan radius 15,000 meter dari sesebuah aerodrom, dan ketinggiannya 150 meter dan ke atas daripada aras tanah. Hal ini adalah bertujuan untuk memastikan pembangunan struktur tersebut tidak mengganggu sebarang operasi penerbangan di kawasan itu, sepertimana yang disebutkan di dalam dokumen arahan, *Civil Aviation Directive (CAD) 14 Vol 1 - Aerodrome Design and Operations*, klausa 4.3.1 dan 4.3.2. Oleh yang demikian, sebarang pembangunan diluar lingkungan radius 15,000 meter sesebuah aerodrom, dan mempunyai ketinggian struktur lebih rendah daripada 150 meter dari aras tanah, pihak CAAM tiada halangan terhadap pembinaannya.

4.3 Objects outside the obstacle limitation surfaces

4.3.1 The CAAM shall be consulted concerning proposed construction beyond the limits of the obstacle limitation surfaces that extend above a height established by the CAAM, in order to permit an aeronautical study of the effect of such construction on the operation of aeroplanes.

4.3.2 In areas beyond the limits of the obstacle limitation surfaces, at least those objects which extend to a height of 150 m or more above ground elevation shall be regarded as obstacles, unless a special aeronautical study indicates that they do not constitute a hazard to aeroplanes.

4. Justeru, pejabat ini ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan di bawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan dalam usaha untuk mengawal pembangunan di sekitar kawasan aerodrom bagi memastikan keselamatan operasi penerbangan awam di Malaysia. Pihak tuan boleh merujuk kepada pegawai pejabat ini, En. Muhammad Zharif Bin Mohd Zakri di talian 03- 88714044 atau Pn. Mawarni Binti Abd. Manap di talian 03- 8871 4003 sekiranya memerlukan keterangan lanjut berkenaan perkara ini.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(Y.M. RAJA AMSYAR HILLMAN BIN RAJA BADRUL HISHAM)
b/p: Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Pemaliman Udara dan Aerodrom
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam
MALAYSIA

S.k.

Kementerian Komunikasi dan Digital

KKD Tower, Persiaran Perdana,
Precinct 4, Federal Government Administrative Centre,
62100 Putrajaya

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

 MCMC HQ Tower 1,
Jalan Impact, Cyber 6,
63000, Cyberjaya, Selangor